



12 APR, 2025

`Aidilfitri tahun ini kami sekeluarga beraya di rumah baharu`

Kosmo, Malaysia



`Aidilfitri tahun ini kami sekeluarga beraya di rumah baharu`



MOHAMED NOH (kiri) menyampaikan replika kunci rumah kepada Mat Saat (dua dari kanan) di Kampung Parit Yassin, Benut, Pontian, Johor baru-baru ini.

PONTIAN – Sambutan Aidilfitri tahun ini memberikan sinar baru buat keluarga Mat Saat Salamon, 62, apabila mereka menerima rumah baharu di bawah projek Baiti Jannati oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Mat Saat berkata, dia tidak berkemampuan untuk membina sebuah rumah bagi menggantikan rumah lamanya berusia lebih 40 tahun yang telah uzur kerana hanya melakukan kerja-kerja mengambil upah dengan pendapatan sekadar cukup makan.

"Saya merupakan penerima

bantuan asnaf daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) sebanyak RM300 sebulan, selain pendapatan tambahan RM600 sebulan melalui kerja-kerja mengambil upah.

"Oleh itu, saya tidak mampu membina sebuah rumah baharu dengan pendapatan yang hanya digunakan bagi menampung perbelanjaan seharian.

"Alhamdulillah raya ini membawa keceriaan kepada kami sekeluarga termasuk anak-anak, menantu dan cucu yang balik ke kampung dengan rumah yang

lebih selesa dan sempurna," katanya di sini, baru-baru ini.

Majlis penyerahan kunci rumah disampaikan oleh Pengurus Besar TNB Johor, Mohamed Noh Md. Seth. Turut hadir ADUN Benut, Datuk Seri Ir. Hasni Mohamad dan Ketua Kampung Kawasan (7) Mukim Sungai Pinggan, Suhaini Marsom.

Sementara itu, Ir. Hasni berkata, rumah tersebut dibina melalui peruntukan wakalah zakat TNB di bawah Projek Baiti Jannati untuk golongan asnaf seperti Mat Saat.